

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 10/10/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Kamera Pantau Ekologi Buaya.

© KHAMIS 10 OKTOBER 2013

BH

Kamera pantau ekologi buaya

» UNIMAS terajui penyelidikan reptilia ganas

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@bh.com.my

► Kuching

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terus menerajui penyelidikan buaya di rantau ini, selepas kejayaan menggunakan perangkap kamera khusus bagi memahami ekologi buaya air masin di negeri ini.

Penyelidikan terbabit penting kerana ia mampu mengurangkan konflik pertembungan reptilia ganas itu dengan manusia, selain mengenal pasti corak aktiviti buaya itu yang juga dikenali sebagai *Crocodylus porosus* di sepanjang sungai di negeri ini.

Ketua Penyelidik Jabatan Zoologi, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS), Dr Mohd Azlan Jayasilan Abdul Gulam, berkata penempatan dua kamera perangkap di Pulau Liak, Taman Negara Kuching Wetlands, berjaya merakamkan sejumlah 1926 gambar dengan 31 daripadanya membatik buaya air masin.

"Hasilnya, kita mendapati tingkah laku reptilia itu agak aktif terutama ketika buaya



Pelajar UNIMAS turut membantu dalam penyelidikan buaya. Gambar kecil, perlakuan buaya yang sempat dirakamkan kamera perangkap khusus.

berkenaan sedang mengawal kawasan pembiakan atau sarangnya.

Tanda fizikal buaya

"Ini dapat dibuktikan menerusi tanda fizikal buaya yang mudah dilihat di atas kepala dan anggaran saiz dan panjang buaya berkenaan," katanya di sini, semalam.

Mohd Jazlan berkata, maklumat seumpama itu adalah penting dalam memahami pergerakan reptilia itu secara saintifik, sekali gus sebarang potensi serangan buaya kepa-

FAKTA NOMBOR

1926 gambar

buaya dirakam menerusi dua perangkap kamera

da manusia dikurangkan.

"Selain itu, rakaman gambar berserta 108 video itu juga dapat membantu kajian dari

segi menentukan populasi sebenar spesies buaya terbabit di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, kajian yang bermula sejak 22 Jun lalu mencatat sejarah kerana proses penyelidikan buaya itu dibuat menggunakan rakaman kamera dan penggunaan kelengkapan itu terbukti berkesan.

"Kebanyakan foto buaya yang berjaya dirakam bermula pada jam 8 malam hingga 4.45 pagi dan hanya dua foto direkodkan pada waktu siang antara jam 6.30 pagi hingga 7.30 pagi," katanya.